

## PENJELASAN ISU BERHUBUNG MEMULAKAN BACAAN AL-QURAN DENGAN AYAT 9 SURAH AL-HIJR

1. Timbul isu mengenai satu dakwaan yang menyatakan hendaklah dimulakan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dengan membaca ayat 9 dari surah al-Hijr iaitu **إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَظَّوْنَ**. Individu berkenaan yang membahasakan dirinya sebagai ustazah menerusi satu rakaman suara menyatakan sekiranya ayat berkenaan dibaca sebelum permulaan bacaan ayat-ayat suci al-Quran maka malaikat akan menegurnya jika terdapat kesalahan dalam bacaan. Malah, malaikat juga akan mempersebahkan bacaan yang betul sahaja kepada Allah SWT. Persoalannya, adakah benar dakwaan tersebut?

**Jawapan:** Jumhur Ulama berpandangan bahawa, disunatkan membaca al-Ta’awwuz iaitu **أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ** ketika hendak memulakan bacaan al-Quran.<sup>1</sup> Lafaz al-Ta’awwuz ini boleh dibaca sama ada ketika dalam solat (secara perlahan) mahupun di luar solat. Malah, disunatkan membaca lafaz berkenaan pada setiap rakaat di dalam solat. Hal ini bersandarkan dalil dari al-Quran iaitu surah al-Nahl ayat 98:

**فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْءَانَ فَاسْتَعِدْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ**

Bermaksud: “Oleh itu, apabila engkau membaca Al-Quran, maka hendaklah engkau terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan Syaitan yang kena rejam.”

Berhubung dakwaan yang menyatakan “hendaklah dimulakan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dengan membaca ayat 9 dari surah al-Hijr...”, maka tidak terdapat sandaran yang kukuh sama ada menerusi al-Quran, al-Sunnah, Ijma’ mahupun Qias yang menyokong dakwaan tersebut. Oleh yang demikian, adalah diingatkan kepada para pendakwah supaya berhati-hati apabila menjelaskan perkara-perkara tertentu yang melibatkan hukum *taklifiyy* iaitu hukum asas yang lima seperti wajib, sunat, makruh, haram dan harus. Kesemua hukum ini adalah berkait dengan perintah Allah yang melibatkan perbuatan mukalaf dan bersandarkan kepada sumber-sumber hukum yang utama iaitu al-Quran, al-Sunnah, Ijma’ dan Qias.<sup>2</sup>

Apatah lagi, dengan kenyataan seperti “malaikat akan menegurnya jika terdapat kesalahan dalam bacaan. Malah, malaikat juga akan mempersebahkan bacaan yang betul sahaja kepada Allah SWT.”, maka sudah tentu ia memerlukan kepada penjelasan menerusi dalil syarak. Oleh itu,

<sup>1</sup> Al-Nawawiyy, Yahya bin Syarf. 1996. *Al-Tibyan fi Adab Hamlah al-Quran*. Beirut: Dar Ibn Hazm. m.s. 80-81.

<sup>2</sup> Zaydan, ‘Abd al-Karim. t.t. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. T.p.: Muassasah Qurtubah. m.s. 23.

adalah tidak memadai dengan hanya menerusi kenyataan umum seperti di atas. Dalam hal ini, Ibnu Ata'illah al-Sakandariyy telah menyatakan di dalam kitabnya yang bertajuk *Taj al-'Arus al-Hawiyy li Tahzib al-Nufus* pada halaman 102:

### الفرع الخامس: الغيبيات:

أحوال ما بعد الموت كلها من الغيب، فلا نقول فيها إلا ما كان لنا به علم: بما جاء في القرآن الكريم، أو ثبت في الحديث الصحيح. وقد كثرت في تفاصيلها الأخبار من الروايات مما ليس ثابت، فلا يجوز الالتفات إلى شيء من ذلك. ومثل هذا ما كان من عالم الغيب مثل الملائكة والجن والعرش والكرسي واللوح والقلم وأشرطة الساعة وما لم يصل إليه علم البشر.

Bermaksud: "**Cabang kelima iaitu perkara-perkara ghaib:** la itu urusan selepas kematian adalah termasuk dalam perkara ghaib. Kita tidak boleh berbicara mengenainya melainkan jika kita mempunyai pengetahuan yang jelas terhadapnya iaitu bersandarkan menerusi apa-apa yang terkandung dalam al-Quran atau hadis sahih. Malah, telah tersebar berita-berita mengenai perkara ghaib ini melalui riwayat-riwayat yang tidak sabit (sahih). Oleh itu, tidak harus berpegang kepada semua riwayat berkenaan. Termasuklah juga perkara yang berkait dengan alam ghaib seperti malaikat, jin, 'arasy, kursi, luh mahfuz, qalam serta tanda-tanda kiamat yang tidak dapat diterokai menerusi ilmu biasa."